



## UMPH anjur majlis apresiasi harga perunding universiti

UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) menganjurkan Majlis Apresiasi Perunding Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai menghargai jasa dan komitmen dalam kalangan perunding, penyelidik dan staf UMP yang terlibat dalam kerja perundingan, latihan, pengkomersilan dan penyewaan fasiliti yang menyumbang terhadap pembangunan dan kemajuan syarikat.

Program diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 26 Januari 2015 yang lalu.

Hadir sama menyerikan majlis adalah Pengerusi UMPH, Dato' Mohd. Hilmey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ahli Lembaga Pengarah UMP, Syed Mohamad Hamzah al-Junid Syed Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato'

Dr. Yuserrie Zainuddin Menurut Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pada peringkat awal penubuhannya, UMPH disokong oleh peluang-peluang perniagaan dari universiti sendiri dan UMP memainkan peranan yang penting dalam memberi suntikan dan bantuan pelbagai bidang.

"Walau bagaimanapun, tahun ini memperlihatkan pendapatan keseluruhan yang memberangsangkan iaitu RM 31,607,880 hasil daripada penyewaan tanah dan bangunan, penyewaan kenderaan, fasiliti, apartmen serta lain-lain sewaan.

"Malahan tahun ini bakal menjanjikan lebih banyak peluang perniagaan dalaman dan luaran," katanya.

Tambah beliau, dari aspek perundingan, latihan dan khidmat teknikal tahun lalu menunjukkan prestasi yang memberangsangkan hasil kegigihan dan komitmen staf yang terdiri dalam kalangan profesor, pensyarah dan staf sokongan melibatkan makmal berpusat, fakulti,

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan pusat kecemerlangan.

Penjanaan pendapatan dari anak-anak syarikat ini penting kerana prestasi sesebuah universiti diukur hasil penyelidikan produk yang boleh dikomersialkan bagi memberi manfaat kepada negara termasuk pembinaan prototaip, penghasilan produk dan nilai komersial sesuatu produk.

Turut membanggakan adalah kejayaan syarikat terbitan (*spin off company*) seperti UMP Ecopest Sdn. Bhd, UMP Green Technology Sdn. Bhd. dan UMP Innovest Sdn. Bhd.

Begitu juga dengan tiga produk lagi iaitu Keratin, Diclean dan Asar Font yang masih dalam proses perundingan dengan beberapa agensi turut mempunyai potensi besar untuk dikembangkan.

Dalam mencapai matlamat Pelan Strategik UMP, universiti telah pun merancang pelbagai projek penjanaan pendapatan melibatkan seluruh warganya bagi menggembelng tenaga mencapai taraf autonomi dan memenuhi hasrat 30 peratus berpendapatan sendiri menjelang 2020.